

DOKTOR FALSAFAH (EKONOMI)

(Mod Kerja Kursus dan Penyelidikan)

Program ini ditawarkan bagi memenuhi tuntutan keperluan semasa dalam bidang Ekonomi agar graduan dapat bersaing di peringkat global. Selaras dengan itu, program ini menyediakan pelajar dengan ilmu penyelidikan dan kemahiran penulisan akademik yang lebih mantap.

Program ini bertujuan menghasilkan graduan untuk menjadi ahli ekonomi berkemampuan tinggi supaya mereka dapat menjana dan menyampaikan ilmu dalam bidang ekonomi.

Matlamat program

Matlamat program ini adalah untuk:

- a. Melahirkan graduan kompeten yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mantap dalam bidang ekonomi;
- b. Melahirkan graduan yang mempunyai sikap yang profesional serta beretika dalam memenuhi tanggungjawab kepada Tuhan dan masyarakat; dan
- c. Mengembangkan kompetensi dan bidang kajian yang dipilih.

Hasil Pembelajaran

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

- a. Mensintesis pengetahuan yang sistematik dan mendalam dalam bidang ekonomi serta memperluaskan kemahiran mengendalikan penyelidikan yang berkualiti;
- b. Mengadaptasi kepakaran dan keupayaan dalam membentuk permodelan ekonomi yang lebih inovatif dan kreatif sesuai dengan keadaan ekonomi sebenar;
- c. Menghasilkan penyelidikan untuk memberi manfaat dari segi sosial, ekonomi dan kesejahteraan masyarakat;
- d. Menjalankan penyelidikan yang memberi sumbangan yang asli bagi meluaskan hasil kajian setanding di peringkat antarabangsa dan patuh kepada etika dan amalan profesionalisme;
- e. Mempamer penyelidikan yang berkualiti, dan kerjasama secara berkesan dengan pembuat dasar dan pihak berkepentingan;
- f. Menangani permasalahan sosial dan ekonomi secara kritikal dan saintifik dengan menggunakan maklumat dan kepakaran;
- g. Mengumpul dan menerbit hasil penyelidikan dalam bidang kepakaran untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Syarat Kemasukan

Calon yang ingin mengikuti Program Doktor Falsafah Ekonomi (Mod Campuran) mestilah mempunyai :

- Ijazah Sarjana Ekonomi dengan memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang baik dari UKM atau dari Universiti atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- Kelulusan lain dalam bidang yang berkaitan yang setaraf dengan Ijazah Sarjana Ekonomi, atau kelulusan lain yang setara dan diiktiraf oleh Senat UKM; dan
- Memenuhi syarat-syarat lain yang ditentukan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.
- Pemohon luar negara perlu memperoleh sekurang-kurangnya skor TOEFL 550 atau IELTS 6 atau mengambil Ujian Kecekapan Bahasa Inggeris (UKBI) dan sekiranya dia tidak melepasi tahap yang ditetapkan oleh program, calon hendaklah mengikuti dan lulus Modul Kemahiran Bahasa Inggeris (MKBI) dalam tempoh tidak lewat tiga (3) semester untuk program Ijazah Kedoktoran dari tarikh pendaftaran masuk ke Universiti.

Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian

6 – 12 semester (Sepenuh masa)

8 – 14 semester (Separuh masa)

Struktur Program

- i) Calon hendaklah mengikuti dan lulus semua komponen seperti berikut:
a) Mod Campuran (3 tahun)*

Jenis Kursus	Jam kredit
Kursus Wajib Fakulti	3
Kursus Wajib Program	12
Kursus Elektif	12
Tesis	53
Jumlah	80

*Tesis dinilai oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar

- ii) Lulus dalam pembentangan cadangan penyelidikan dan peperiksaan lisan tesis peringkat doktor falsafah; dan
- iii) Menerbitkan sekurang-kurangnya satu (1) artikel berkaitan penyelidikan peringkat doktor falsafah dalam jurnal berwasit dan berindeks WoS/Scopus/ERA atau yang tersohor dalam bidang dan satu (1) prosiding daripada seminar/persidangan/ bengkel yang diiktiraf oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.

Senarai Kursus

Kursus Wajib Fakulti (3 jam kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam kredit
1.	EPPD8013	Kaedah Penyelidikan Lanjutan	3
Jumlah			3

Kursus Wajib Program (12 jam kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam kredit
1.	EPPE8014	Makroekonomi Lanjutan	4
2.	EPPE8024	Mikroekonomi Lanjutan	4
3.	EPPE8034	Ekonometrik Lanjutan	4
Jumlah			12

Kursus Elektif (12 jam kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam kredit
1.	EPPE8XX4	Kursus Elektif	4
2.	EPPE8XX4	Kursus Elektif	4
3.	EPPE8XX4	Kursus Elektif	4
Jumlah			12

Tesis (53 jam kredit)*

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam kredit
1.	EPPD8053*	Tesis	53
Jumlah			53

*pelajar tidak perlu mendaftar kod kursus ini, tetapi perlu mendaftar tesis setiap semester sebelum bergraduasi.

Kursus Bahasa Melayu

Calon luar negara hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan sebagaimana ditetapkan UKM.

Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa	Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu
Luar Nusantara Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa
Nusantara Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand.	LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara

Rancangan Pengajian

Rancangan pengajian yang dicadangkan seperti berikut:

Semester	Kod Kursus	Nama Kursus	Komponen	Bil. Kursus
1	EPPD8013	Kaedah Penyelidikan Lanjutan	Wajib Fakulti	4/5
1	EPPE8014	Makroekonomi Lanjutan	Wajib Program	
1	EPPE8024	Mikroekonomi Lanjutan	Wajib Program	
1	EPPE8034	Ekonometrik Lanjutan	Wajib Program	
1	LMCM1083/ LMCM1093	Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa/ Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara	Kursus Bahasa Melayu	
2	LMCM1083/ LMCM1093	Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa/ Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara	Kursus Bahasa Melayu	
2	Pelajar hanya perlu memilih tiga (3) kursus elektif			
	EPPE8114	Ekonomi Kewangan	Kursus Elektif	
	EPPE8124	Ekonomi Monetari Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8134	Kewangan Antarabangsa	Kursus Elektif	
	EPPE8144	Organisasi Industri Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8154	Ekonomi Buruh Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8164	Ekonomi Politik Perdagangan dan Industri	Kursus Elektif	
	EPPE8174	Ekonomi Awam	Kursus Elektif	
	EPPE8184	Ekonomi Dasar Sosial Lanjutan	Kursus Elektif	

	EPPE8194	Ekonomi Politik Perdagangan Antarabangsa	Kursus Elektif	
	EPPE8214	Analisis Input-Output	Kursus Elektif	
	EPPE8224	Teori dan Dasar Pembangunan	Kursus Elektif	
	EPPE8234	Ekonomi Sumber Manusia Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8244	Ekonomi Pertanian Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8254	Analisis Dasar Pertanian	Kursus Elektif	
	EPPE8264	Dasar Sumber Gunaan dan Analisis Projek	Kursus Elektif	
	EPPE8274	Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli	Kursus Elektif	
	EPPE8284	Ekonometrik Siri Masa	Kursus Elektif	
	EPPE8294	Ekonometrik Gunaan	Kursus Elektif	
	EPPE8324	Perdagangan dan Pembangunan	Kursus Elektif	
	EPPE8334	Pengurusan Sumber Manusia	Kursus Elektif	
	EPPE8344	Pengoptimuman Dinamik dan Teori Keputusan	Kursus Elektif	
	EPPE8364	Analisis Kos Faedah	Kursus Elektif	
	EPPE8374	Model Keseimbangan Umum	Kursus Elektif	
	EPPE8394	Fiqh Untuk Ekonomi	Kursus Elektif	
	EPPE8384	Analisis Ekonomi Islam Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8434	Kewangan Korporat dan Pasaran Modal Islam	Kursus Elektif	
	EPPE8354	Cabaran Global dalam Pertanian	Kursus Elektif	
	EPPE8314	Ekonomi Kewangan Sosial	Kursus Elektif	
	EPPE8414	Wang Zakat dan Ekonomi Benar	Kursus Elektif	
	EPPE8424	Ekonomi Pembangunan Islam	Kursus Elektif	
	EPPE8444	Sistem dan Operasi Perbankan Islam	Kursus Elektif	
	EPPE8454	Usul dan Kaedah Fiqh Lanjutan	Kursus Elektif	
	EPPE8464	Pengurusan Risiko Perbankan Islam	Kursus Elektif	
	EPPE8474	Pengurusan dan Perancangan Harta Islam	Kursus Elektif	3/4
	EPPE8484	Teori dan Praktis Takaful	Kursus Elektif	
3 - 12	EPPD8053	Tesis**	53	
		JUMLAH	80	

*untuk calon luar negara sahaja

**pelajar tidak perlu mendaftar kod kursus ini, tetapi perlu mendaftar tesis setiap semester sebelum bergraduasi.